

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

AMU403 - PEMASARAN ANTARABANGSA

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan 1 adalah WAJIB.

Soalan 1 (WAJIB)

(a) Bincangkan faktor-faktor yang mendorong sebuah firma itu meneroka pasaran antarabangsa.

[10 markah]

(b) Adakah proses pengantarabangsaan itu sama bagi firma dari negara maju berbanding dengan firma dari negara yang sedang membangun? Kenapa?

[15 markah]

Soalan 2

"Kebudayaan merupakan faktor persekitaran yang sangat berpengaruh dalam kegiatan pemasaran antarabangsa". Bincangkan.

[25 markah]

Soalan 3

(a) Mengapakah penyesuaian perlu diambil kira dalam proses menggubal dasar produk?

[15 markah]

...2/-

- (b) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan penyesuaian yang wajib (mandatory) dan penyesuaian yang opsyenal (optional)?

[10 markah]

Soalan 4

- (a) Firma-firma Jepun, Amerika Syarikat dan Jerman menampilkan ciri-ciri yang berbeza dalam kegiatan pemasaran di peringkat antarabangsa. Huraikan perbezaan tersebut:

[15 markah]

- (b) Apakah yang boleh dipelajari oleh pengeksport Malaysia dari kejayaan firma-firma dari negara-negara tersebut?

[10 markah]

Soalan 5

Maklumat sangat penting dalam pengurusan pemasaran.

- (a) Bagaimanakah maklumat tentang peluang pemasaran di peringkat antarabangsa boleh diperolehi?

[10 markah]

- (b) Senaraikan maklumat yang penting dalam proses merancang kegiatan pemasaran antarabangsa.

[10 markah]

- (c) Apakah jenis bantuan yang disediakan oleh kerajaan Malaysia untuk membantu para pengeksport dalam hal ini?

[5 markah]

...3/-

Soalan 6

Struktur saluran pemasaran seringkali menjadi penghalang dalam usaha menembusi pasaran Jepun. Bagaimanakah firma asing yang telah berjaya menembusi pasaran Jepun menangani isu tersebut?

[25 markah]

---ooo000ooo---